



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**PROGRAM ADVOKASI PEKERTI PERINGKAT NEGERI SARAWAK**  
**(SENTUHAN KASIH: KHATAN PERDANA)**

**LOKASI / TARikh / MASA**  
**SEKOLAH KEBANGSAAN GERSIK, KUCHING**  
**13 SEPTEMBER 2025 (SABTU)**  
**8.00 PAGI**

*Kemas kini 12 September 2025*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan  
Salam Malaysia MADANI.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

1. *Alhamdulillah*, syukur ke hadrat Allah SWT, kita dapat berkumpul pagi ini dalam suasana penuh makna di **Majlis Perasmian Program Advokasi PEKERTI Peringkat Negeri Sarawak dan Sentuhan Kasih: Khatan Perdana**. Terima kasih kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan semua rakan strategik yang telah berganding bahu menjayakan majlis ini.

## **Khatan: Tradisi, Ikatan dan Didikan**

2. Bagi anak lelaki, berkhatan bukan sekadar tradisi, tetapi satu titik penting dalam perjalanan hidup. Ia mengajar mereka tentang keberanian, kebersihan, dan tanggungjawab sebagai seorang Muslim.

3. Bagi para bapa pula, inilah masa untuk menunjukkan sokongan. Kehadiran ayah di sisi anak ketika berkhatan adalah kenangan seumur hidup – mengukuhkan ikatan hati dan mengingatkan anak bahawa ayah adalah pelindung dan pembimbing.

4. Hari ini kita bukan sahaja hadir untuk majlis khatan, tetapi juga untuk **berkongsi ilmu**. Melalui Pocket Talk, anak-anak dan ibu bapa dapat belajar tentang *Pemerkasaan Lelaki & SRH (Sexual Reproductive Health) for Boys, Ayah & Anak: Duo Hebat* serta pendekatan modul Sakinah. Semua ini penting untuk melengkapkan anak-anak kita dengan ilmu yang sesuai dengan cabaran zaman.

5. Anak muda hari ini berdepan dunia digital tanpa sempadan. Ada yang bermanfaat, tetapi banyak juga yang mengelirukan dan berisiko. Kajian oleh UNIMAS menunjukkan remaja masih kurang pengetahuan tentang kesihatan reproduktif, malah ada yang mula terjebak dalam hubungan seksual seawal usia 13 tahun.

6. Tambahan pula, pendidikan seksualiti yang menyeluruh masih terhad. Ditambah dengan norma budaya yang menjadikan isu ini tabu, ramai anak muda tidak berpeluang membincangkannya secara terbuka.
7. Sebab itu, **pendidikan kesihatan reproduktif** mesti diberi penekanan – bukan hanya di sekolah dan universiti, tetapi juga di rumah dan komuniti. Melalui program seperti *SRH for Boys* dan *Modul Cakna Diri Lelaki*, LPPKN mendidik anak lelaki tentang isu seksualiti, kehamilan remaja, penderaan seksual, gender, dan penyakit berjangkit.

8. KPWKM melalui LPPKN akan teruskan usaha kami sebagai penggerak utama dalam memperkuatkan institusi keluarga dan membina masyarakat yang sihat dan berdaya tahan.

## **PENUTUP**

Hadirlin dan anak-anak yang saya kasih.

9. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ucapkan penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan majlis hari ini, dari jabatan dan agensi di bawah KPWKM, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak termasuk Pejabat Pendidikan Daerah Kuching, pihak pengurusan SK Gersik, SK Pulo dan SK Matu Baru, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia, rakan-rakan media dan tuan-tuan serta puhan-puan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program kita pada kali ini.

10. Semoga program ini bukan sekadar acara, tetapi menjadi permulaan kepada anak-anak lelaki kita untuk melangkah ke alam kedewasaan dengan **berani, berakhlak, dan bertanggungjawab.**

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan **Program Advokasi Pekerti Peringkat Negeri Sarawak dan Sentuhan KASIH: Khatan Perdana.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

**13 September 2025**